

# Pemimpin ASEAN hargai dasar persahabatan PM

JM 28 JAN 2004

KUALA LUMPUR 27 Jan. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, para pemimpin ASEAN begitu menghargai dasar dan pendekatannya yang mahu terus meningkatkan lagi hubungan Malaysia dengan negara-negara jiran.

Kata Perdana Menteri, mereka turut merakamkan penghargaan terhadap Malaysia yang berjaya memupuk hubungan baik dalam ASEAN ketika negara di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Penghargaan pemimpin-pemimpin ASEAN itu dinyatakan kepada Abdullah dalam kuniungan suai kenal ke negara-negara ASEAN selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober lepas.

Sehubungan itu, Abdullah berharap kerjasama baik yang terjalin antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN lain sebelum ini dapat dipertingkatkan lagi.

"Lawatan saya itu diterima baik dengan sambutan acaranya cukup bermakna melambangkan persahabatan yang wujud antara negara berkenaan dengan Malaysia.

"Saya dapat merasai bahawa antara negara-negara ASEAN yang dilawati itu dengan Malaysia memang ada satu hubungan baik dan ada keinginan untuk dikembangkan lagi hubungan dua hala," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan buku *Wira Tak Didendang* karya Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, di sini hari ini.

## Keamanan

ASEAN yang ditubuhkan pada 1967 dianggotai 10 negara iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Thailand, Filipina, Singapura dan Vietnam.

Abdullah setakat ini telah menamatkan lawatan ke Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura, Thailand, Laos, Filipina, Kemboja dan Vietnam.

Myanmar adalah destinasi terakhir lawatannya yang dijadualkan Khamis ini.

Abdullah berkata, walaupun lawatan itu adalah kunjungan hormat sebagai tradisi bagi setiap ketua baru kerajaan, namun negara-negara berkenaan telah menaiki taraf menjadikannya sebagai lawatan rasmi penuh.

Bagaimanapun, katanya, apa yang penting ialah kesempatan mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin negara terbabit terutama perkara-perkara yang belum disentuh dalam hubungan dua hala dengan Malaysia.

Selain itu, katanya, pemimpin-pemimpin berkenaan turut menyatakan keyakinan masing-masing bahawa sebagai kumpulan wilayah, ASEAN mampu bekerjasama erat dalam pelbagai bidang bagi menjamin keamanan dan keselamatan rantau ini.

"Ini sekali gus membolehkan usaha-usaha pembangunan dengan ASEAN berjalan terus tanpa gangguan," tegasnya.

Mengenai hubungan dan kerjasama Malaysia dengan Singapura, Abdullah memberitahu bahawa beliau telah mengarakkan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar mengatur lebih banyak program serta pendekatan bagi membincangkan masalah yang wujud antara kedua-dua negara.

Hubungan Malaysia dengan Singapura sebelum ini kerap berdepan dengan masalah sehingga dianggap sampai ke tahap agak renggang.

Namun sejak melawat negara republik itu, hubungan kedua-dua negara menampakkan harapan untuk memasuki era baru terutamanya selepas keakraban Abdullah dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong yang turut menyertai sambutan Tahun Baru Cina di Johor Bahru, Sabtu lepas.